

PANDUAN TEKNIKAL

**PANDUAN
PERMOHONAN LESEN
BAGI AKTIVITI
TOLOK SINARAN
DAN TOLOK SINAR X
(KATEGORI KAWALAN 3,
4, 5 & 7)**



Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar
dan Perubahan Iklim
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-8922 5888
Fax: 03-8922 3685
Laman Web: <http://www.aelb.gov.my>

KANDUNGAN

Mukasurat

SKOP	3
PROSEDUR PERMOHONAN LESEN	
1. Sistem atas talian (<i>online system</i>)	3
2. Cara Memohon	4
3. Kelas, Fi dan Tempoh Lesen	4
3.1 Kelas Lesen	4
3.2 Fi Permohonan dan Fi Lesen	5
3.3 Tempoh Lesen	6
PEMBATALAN	6
PENUTUP	6
REKOD DOKUMEN	7
LAMPIRAN 1	
Jadual Kategori Kawalan	8
LAMPIRAN 2	
Senarai semak maklumat yang diperlukan untuk permohonan lesen bagi aktiviti Tolok Sinaran Dan Tolok Sinar X;	
i. Lesen Kelas A (bahan radioaktif)	9
ii. Lesen Kelas C (radas penyinaran)	12

SKOP

1. Dokumen ini disediakan sebagai rujukan kepada syarikat yang ingin memohon lesen bagi aktiviti tolok sinaran¹ dan tolok sinar-x².
2. Aktiviti tolok sinaran dan tolok sinar x yang perlu dilesenkan merangkumi aktiviti:
 - (a) Pengelogan lubang gerak;
 - (b) Mengukur ketebalan;
 - (c) Mengukur ketumpatan/kepadatan;
 - (d) Mengukur paras;
 - (e) Mengukur kelembapan;
 - (f) Mengukur tracer-flo/radiflo;
 - (g) Sebagai punca ujian dan tentukuran;
 - (h) Tujuan analisis;
 - (i) Tujuan menentukan mutu pengeluaran;
 - (j) Tujuan penyelidikan; dan
 - (k) Lain-lain aktiviti yang menggunakan prinsip transmisi, serak balik dan reaktif yang akan ditentukan oleh AELB.
3. Dokumen ini tertakluk kepada pindaan dan arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) dari semasa ke semasa.

PROSEDUR PERMOHONAN LESEN

4. Sistem Atas Talian (*Online Sistem*)

¹Tolok sinaran yang perlu dilesenkan merangkumi penggunaan bahan radioaktif sama ada dalam bentuk punca terkedap atau punca tak terkedap. Berdasarkan penentuan kategori kawalan bagi punca radioaktif, aktiviti ini berada sama ada dalam kategori 3, 4 atau 5 (Rujuk Jadual di Lampiran 1).

² Tolok Sinar-x yang perlu dilesenkan merangkumi radas penyinaran atau peralatan sinaran yang berupaya mengeluarkan sinaran mengion. Kategori kawalan bagi aktiviti ini adalah pada kategori 7. (Rujuk Jadual di Lampiran 1).

Permohonan lesen (baru, membaharui dan meminda) hendaklah dikemukakan secara atas talian iaitu melalui Sistem Permohonan Lesen (eLesen). Oleh itu, Pemohon hendaklah terlebih dahulu mendapatkan Sijil Tandatangan Digital (*Digital Certificate (Digicert)*). Sila rujuk <https://elesen.aelb.gov.my/esppuser/> bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai *Digicert*.

5. Cara Memohon

Pemohon hendaklah mengakses sistem atas talian eLesen dan melengkapkan borang permohonan secara atas talian serta memuatnaik mana-mana dokumen sokongan yang diperlukan (rujuk Senarai Semak seperti **Lampiran 2**).

6. Kelas, Fi dan Tempoh Lesen

i. Kelas Lesen

Kelas lesen melibatkan aktiviti tolok adalah seperti berikut:

Bahan/radas yang terlibat	Kelas Lesen
Bahan radioaktif	Kelas A
Radas penyinaran	Kelas C
Bahan radioaktif dan radas penyinaran	Kelas A dan C

Sekiranya aktiviti tolok sinaran dan tolok sinar-x yang dijalankan melibatkan aktiviti lain seperti pengangkutan, import, eksport dan lain-lain, kelas lesen yang terlibat adalah sepertimana yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986 antaranya:

Pengangkutan : Kelas D (bahan radioaktif sahaja)
Import/Eksport : Kelas E
Pelupusan : Kelas G

ii. Fi Permohonan dan Fi Lesen

Pemohon hendaklah membayar fi permohonan kepada AELB sebanyak RM15 bagi setiap kelas lesen bagi setiap permohonan sebelum mengemukakan permohonan secara atas talian. Sekiranya permohonan diluluskan, pemohon hendaklah menjelaskan bayaran fi lesen yang dikenakan sebelum lesen yang sah dikeluarkan oleh AELB. Pembayaran fi sama ada dalam bentuk tunai, perbankan internet (*Maybank2u, CIMB Clicks, RHB Online Banking* atau *CIMB Biz-Channel*), bank draf, kiriman wang atau wang pos. Bagi bayaran secara bank draf, kiriman wang atau wang pos, ianya hendaklah dibuat atas nama Ketua Pengarah AELB. Jumlah bayaran fi yang dikenakan bergantung kepada aktiviti yang akan dijalankan seperti yang ditunjukkan pada jadual di bawah:

AKTIVITI	FI LESEN SETAHUN
1. Bahan radioaktif punca tak terkedap ³ Contoh : Kategori A1 (seperti Kr-85 yang digunakan untuk 'tracerflo/radiflo').	RM 100.00 (tidak mengira kuantiti punca)
2. Bahan radioaktif (punca terkedap) yang digunakan untuk: a) Mengukur ketebalan; b) Mengukur ketumpatan/kepadatan; c) Mengukur paras; d) Mengukur kelembapan; e) Tujuan analisis; dan f) Tujuan menentukan mutu pengeluaran.	RM 200.00 untuk punca pertama. RM40.00 untuk setiap punca tambahan.
3. Bahan radioaktif (punca terkedap) yang digunakan untuk pengelogan lubang gerak.	RM 300.00 untuk punca pertama RM 60.00 untuk setiap punca tambahan
4. Sebarang punca terkedap yang aktiviti tidak melebihi 40 MegaBecquerel.	RM 100.00 untuk punca pertama. RM 20.00 untuk setiap punca tambahan

³ Sila rujuk Jadual Kedua Untuk Kategori Punca Tak Terkedap (Peraturan 4) dalam Peraturan-peraturan Perlindungan (Perlesenan) Sinaran 1986 [P.U.(A)149]

5. Sebarang punca terkedap yang aktivitiya melebihi 40 MegaBecquerel dan tidak melebihi 400 MegaBecquerel.	RM 200.00 untuk punca pertama. RM 40.00 untuk setiap punca tambahan
6. Radas penyinaran yang digunakan untuk tujuan analisis.	RM 300.00 untuk punca pertama. RM 60.00 untuk setiap punca tambahan
7. Radas penyinaran yang digunakan untuk tujuan selain dari tujuan analisa.	RM 100.00 untuk radas pertama. RM 20.00 untuk setiap radas tambahan
8. Pemecut zarah (<i>ion implanter</i>) yang boleh dikendalikan melebihi 500 kilovolt puncak.	RM 1,000.00 untuk radas pertama RM 200.00 untuk setiap radas tambahan

Nota: Bagi dua aktiviti, jumlah fi adalah daripada kedua-dua aktiviti tersebut [contoh 2(a) & 3 = RM200.00 + RM300.00 = RM500.00]

iii. Tempoh Lesen

Lesen bagi aktiviti Tolok yang dikeluarkan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) sah bagi tempoh maksimum tidak lebih **3 tahun** bergantung kepada penetapan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

6. Bagi panduan umum permohonan lesen, pemohon hendaklah merujuk **LEM/TEK/1⁴**.

PEMBATALAN

7. Dengan penguatkuasaan panduan ini, LEM/TEK/17 Sem.3 bertarikh Julai 2001 adalah dimansuhkan.

PENUTUP

8. Panduan ini adalah terpakai serta merta pada tarikh ia dikeluarkan.

⁴ LEM/TEK/ 1: Panduan Umum Bagi Mendapatkan Lesen Daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai panduan ini, pemohon/ pemegang lesen boleh berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah:

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor

Telefon : 03-89225888 Faks: 03-89223685

Email: mnr-customer@aelb.gov.my

REKOD DOKUMEN

Tarikh Terimapakai	Status semakan	Penyedia
Julai 2001	LEM/TEK/17 Sem.3	a) AELB
25 Julai 2018	0	a) Pn.Sharmilah Sahat (Pendraf) b) Pn.Amizah Othman c) En. Ibrahim Hj. Muhamad d) Pn. Noor Fitriah Bakri e) Pn. Nur Shazwani Zainal Abidin

KATEGORI KAWALAN

Perincian	Kategori Kawalan
Punca radioaktif Kategori 1 (<i>Contoh: Sel Penyinaran</i>)	1
Punca radioaktif Kategori 2 (<i>Contoh: Radiografi Industri</i>)	2
Punca radioaktif Kategori 3 (<i>Contoh: Tolok Kadar Dos Tinggi</i>)	3
Punca radioaktif Kategori 4 (<i>Contoh: Tolok Kadar Dos Rendah</i>)	4
Punca radioaktif Kategori 5 (<i>Contoh: Electron Captured Device</i>)	5
NORM / Punca tak terkedap	6
Radas Penyinaran	7

LAMPIRAN 2

SENARAI SEMAK UNTUK PERMOHONAN LESEN KELAS A BAGI AKTIVITI TOLOK SINARAN (BAHAN RADIOAKTIF)

Bil	Perkara	Jenis permohonan lesen		
		Baru	Meminda	Membaharui
A.	Organisasi & Pengurusan:			
	Permohonan lesen melalui sistem atas talian eLesen			
1.	Fi permohonan RM 15.00 bagi setiap kelas lesen.	√	√	√
2.	Orang Yang Bertanggungjawab Terhadap Lesen (OBTL). [sila sertakan Borang 49 atau Borang Seksyen 14 bersama-sama Borang Seksyen 58 dan 236(2) yang disahkan benar oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sekiranya bukan Ahli Lembaga Pengarah surat perantukan hendaklah ditandatangani oleh salah seorang ahli Lembaga Pengarah Syarikat [sila dapatkan borang dari laman web AELB di www.aelb.gov.my]	√		
3.	Salinan sijil pendaftaran syarikat yang telah disahkan benar oleh SSM. [Borang 9]	√		
4.	Surat perakuan pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan. [sila dapatkan dari laman web AELB di www.aelb.gov.my]	√		
B.	Pekerja Sinaran:			
	Untuk pengiktirafan sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS)/Penyelia (PY):			
1.	<p>a. Sila lengkapkan biodata pada Sistem Peperiksaan & Pekerja Sinaran [https://elesen.aelb.gov.my/iexam/] dan muatnaik dokumen berikut di dalam sistem yang sama;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Gambar ukuran passport terkini. ii. Sijil kehadiran Kursus Perlindungan Sinaran Untuk Pegawai anjuran agensi yang diiktiraf oleh AELB. Bagi pemohon bekas PPS yang tidak aktif dan PPS baru yang belum diiktiraf selepas setahun lulus peperiksaan PPS, sila lampirkan borang log CEP⁵. iii. Kad pengenalan. Bagi bukan warganegara, sertakan salinan passport yang masih sah. iv. Sijil kelayakan akademik tertinggi <p>b. Setelah melengkapkan perkara (a), sila buat permohonan pada sistem eLesen, dengan memuatnaik dokumen seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Salinan surat pengesahan pemeriksaan perubatan mukasurat 16 (LPTA/BM/5 Seksyen A), tidak melebihi 6 bulan daripada tarikh pemeriksaan. ii. Salinan permit kerja (Imigresen) bagi pemohon bukan warganegara iii. Resit pembayaran fi kad pekerja sinaran sebanyak RM 10/tahun yang telah dibuat terlebih dahulu samada pembayaran secara perbankan internet atau resit rasmi kerajaan yang diperoleh dari Unit kewangan AELB. 	√		
2.	Untuk pengiktirafan sebagai Pengendali sila buat permohonan pada sistem eLesen, dengan memuatnaik dokumen B1(a)(i), (a)(iii),(a)(iv), (b)(i) dan (b)(ii)	√		
3.	Sekiranya pekerja sinaran pernah bekerja di syarikat lain, urusan pemberhentian kerja hendaklah diselesaikan terlebih dahulu.	√		

⁵ Sila rujuk panduan. LEM/TEK 44G 'Standard Pengiktirafan Baru dan Pengiktirafan Semula Berdasarkan Kaedah Program Pendidikan Berterusan (Continuous Education Programme – CEP)'.

Bil	Perkara	Jenis permohonan lesen		
		Baru	Meminda	Membaharui
4.	Latihan terkini : Sila muatnaik salinan sijil / surat pengesahan hadir kursus perlindungan sinaran pada Sistem Peperiksaan & Pekerja Sinaran [https://elesen.aelb.gov.my/iexam/] mengikut akaun setiap pekerja syarikat.			√
C.	Tolok Sinaran:			
1.	Memuatnaik salinan sijil ujian kemantapan bagi kapsul punca dari pembekal (<i>special form certificate</i>).	√	√	
2.	Memuatnaik rekabentuk (dalam lukisan teknik), data teknikal dan katalog bagi bekas punca.	√	√	
3.	Memuatnaik Surat pengesahan (<i>undertaking letter</i>) dari pembekal/pembuat bahan radioaktif yang menyatakan kesanggupan menerima semula bahan radioaktif setelah ianya tidak digunakan lagi oleh pemegang lesen atau pemegang lesen muflis.	√	√	
D.	Alat Pengesan Sinaran:			
1.	Memuatnaik surat pengesahan pembelian alat pengesan sinaran (<i>survey meter</i>) sekiranya belum memiliki	√	√	
2.	Mempunyai bilangan alat pengawasan personel yang mencukupi (sila nyatakan jenis alat permonitoran personel yang akan digunakan)	√	√	
E.	Bilik Dedahan [nota: mesti ada sebelum memohon lesen sekiranya syarikat berhasrat untuk membina bilik dedahan]:			
1.	Menghantar permohonan Membina Bilik Dedahan dengan memuatnaik <ul style="list-style-type: none"> i. pelan lakar kedudukan/lokasi dan rekabentuk bilik dedahan yang dicadangkan (Sila nyatakan kawasan yang berhampiran); ii. Rekabentuk dan dimensi bilik dedahan yang dicadangkan; dan iii. Pengiraan paras sinaran luar yang dijangka diterima di sekeliling permukaan luar dinding dedahan dan jarak 1 meter daripada dinding tersebut. 	√	√	
2.	Menghantar permohonan Mengguna Bilik Dedahan setelah ia dibina mengikut spesifikasi seperti yang diluluskan semasa permohonan membina.	√	√	
F.	Tempat Penstoran Tetap (termasuk kemampuan penstoran) [nota: mesti ada sebelum memohon lesen sekiranya syarikat berhasrat untuk membina penstoran]:	√	√	
1.	Menghantar permohonan Membina Tempat Penstoran dengan memuatnaik; <ul style="list-style-type: none"> i. Pelan terperinci kedudukan dan rekabentuk tempat penstoran; ii. Rekabentuk kejuruteraan kemudahan penstoran bahan radioaktif, dimensi dan pengiraan paras sinaran luar di permukaan tempat penstoran. (Bacaan di luar penutup tempat penstoran mestilah kurang daripada 3.0 uSv/jam dan bacaan di luar pagar tempat penstoran mestilah kurang daripada 0.5 uSv/jam); iii. Sekiranya syarikat menyewa tanah atau premis untuk tempat penstoran bahan radioaktif maka surat perjanjian hendaklah dibuat diantara pemilik tanah dengan pihak syarikat; dan iv. Pengiraan terperinci yang menunjukkan tempat penstoran boleh menampung kesemua bahan radioaktif yang akan dimiliki. 	√	√	

Bil	Perkara	Jenis permohonan lesen		
		Baru	Meminda	Membaharui
2.	Menghantar permohonan Menggunakan Tempat Penstoran setelah ia dibina mengikut spesifikasi seperti yang diluluskan semasa permohonan membina dan setelah permohonan lesen diluluskan.	√	√	
G.	Program Perlindungan Sinaran:			
1.	Muatnaik Program Perlindungan Sinaran yang didraf mengikut format LEM/TEK/45 (Bahagian D) ⁶ ke dalam sistem eLesen bersama borang kelulusan dan pengesahan program/pelan untuk mendapatkan pengesahan AELB bagi tujuan terimapakai.	√	√	√
2.	Semak status Program Perlindungan Sinaran sama ada perlu diubahsuai atau tidak pada sistem eLesen.	√	√	√
H.	Pelan Kecemasan:			
1.	Muatnaik Pelan Kecemasan ⁷ ke dalam sistem eLesen bersama borang kelulusan dan pengesahan program/pelan untuk mendapatkan pengesahan AELB bagi tujuan terimapakai.	√	√	√
2.	Semak status Pelan Kecemasan sama ada perlu diubahsuai atau tidak pada sistem eLesen.	√	√	√
I.	Pelan Sekuriti:			
1.	Muatnaik Pelan Sekuriti ⁸ ke dalam sistem eLesen bersama borang Kelulusan dan pengesahan program/pelan untuk mendapatkan pengesahan AELB bagi tujuan terimapakai.	√	√	√
2.	Semak status Pelan Sekuriti sama ada perlu diubahsuai atau tidak pada sistem eLesen.	√	√	√

⁶ Sila rujuk LEM/TEK/45 (Bahagian D) bertajuk "Panduan Penyediaan Program Perlindungan Sinaran Bagi Aktiviti Radiografi Industri"

⁷ Sila rujuk LEM/TEK/66 bertajuk "Panduan Penyediaan dan Pengujian Pelan Kecemasan Radiologikal dan Nuklear"

⁸ Sila rujuk LEM/TEK/62 bertajuk "Panduan Penyediaan Pelan Sekuriti Punca Radioaktif"

SENARAI SEMAK UNTUK PERMOHONAN LESEN KELAS C BAGI TOLOK SINARAN DAN TOLOK SINAR-X (RADAS PENYINARAN)

Bil	Perkara	Jenis permohonan lesen		
		Baru	Meminda	Membaharui
A.	Organisasi & Pengurusan:			
	Permohonan lesen melalui sistem atas talian eLesen			
1.	Fi permohonan RM 15.00 bagi setiap kelas lesen.	√	√	√
2.	Orang Yang Bertanggungjawab Terhadap Lesen (OBTL). [sila sertakan Borang 49 atau Borang Seksyen 14 bersama-sama Borang Seksyen 58 dan 236(2) yang disahkan benar oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sekiranya bukan Ahli Lembaga Pengarah surat perantukan hendaklah ditandatangani oleh salah seorang ahli Lembaga Pengarah Syarikat [sila dapatkan borang dari laman web AELB di www.aelb.gov.my]	√		
3.	Salinan sijil pendaftaran syarikat yang telah disahkan benar oleh SSM. [Borang 9]	√		
4.	Surat perakuan pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan. [sila dapatkan dari laman web AELB di www.aelb.gov.my]	√		
B.	Pekerja Sinaran:			
1.	<p>Untuk pengiktirafan sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS)/Penyelia (PY):</p> <p>a. Sila lengkapkan biodata pada Sistem Peperiksaan & Pekerja Sinaran [https://elesen.aelb.gov.my/iexam/] dan muatnaik dokumen berikut di dalam sistem yang sama;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Gambar ukuran passport terkini. ii. Sijil kehadiran Kursus Perlindungan Sinaran Untuk Pegawai anjuran agensi yang diiktiraf oleh AELB. Bagi pemohon bekas PPS yang tidak aktif dan PPS baru yang belum diiktiraf selepas setahun lulus peperiksaan PPS, sila lampirkan borang log CEP⁹. iii. Kad pengenalan. Bagi bukan warganegara, sertakan salinan passport yang masih sah. iv. Sijil kelayakan akademik tertinggi <p>b. Setelah melengkapkan perkara (a), sila buat permohonan pada sistem eLesen, dengan memuatnaik dokumen seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Salinan surat pengesahan pemeriksaan perubatan mukasurat 16 (LPTA/BM/5 Seksyen A), tidak melebihi 6 bulan daripada tarikh pemeriksaan. ii. Salinan permit kerja (Imigresen) bagi pemohon bukan warganegara iii. Resit pembayaran fi kad pekerja sinaran sebanyak RM 10/tahun yang telah dibuat terlebih dahulu samada pembayaran secara perbankan internet atau resit rasmi kerajaan yang diperoleh dari Unit kewangan AELB. 	√		
2.	Untuk pengiktirafan sebagai Pengendali atau Pengendali Pelatih, sila buat permohonan pada sistem eLesen, dengan memuatnaik dokumen B1(a)(i), a)(iii),(a)(iv), (b)(i) dan (b)(ii).	√		
3.	Sekiranya pekerja sinaran pernah bekerja di syarikat lain, urusan pemberhentian kerja hendaklah diselesaikan terlebih dahulu.	√		

⁹ Sila rujuk panduan. LEM/TEK 44G 'Standard Pengiktirafan Baru dan Pengiktirafan Semula Berdasarkan Kaedah Program Pendidikan Berterusan (Continuous Education Programme – CEP)'.

Bil	Perkara	Jenis permohonan lesen		
		Baru	Meminda	Membaharui
4.	Latihan terkini : Sila muatnaik salinan sijil / surat pengesahan hadir kursus perlindungan sinaran pada Sistem Peperiksaan & Pekerja Sinaran [https://eleses.aelb.gov.my/iexam/] mengikut akaun setiap pekerja syarikat.			√
C.	Peralatan sinaran (radas penyinaran)			
1.	Muatnaik salinan sijil dari pembekal yang menunjukkan radas penyinaran telah memenuhi standard yang diiktiraf oleh AELB.	√	√	
2.	Muatnaik rekabentuk (dalam lukisan teknik), data teknik dan/atau katalog bagi radas penyinaran.	√	√	
D.	Alat Pengesan Sinaran:			
1.	Memuatnaik surat pengesahan pembelian alat pengesan sinaran (<i>survey meter</i>) sekiranya belum memiliki (tidak kurang dari 2 unit bagi setiap kerja radiografi).	√	√	
2.	Mempunyai bilangan alat pengawasan personel yang mencukupi (sila nyatakan jenis alat permonitoran personel yang akan digunakan)	√	√	
E.	Bilik Dedahan (sekiranya ada) (nota: mesti ada sebelum memohon lesen):			
1.	Menghantar permohonan Membina Bilik Dedahan dengan memuatnaik <ul style="list-style-type: none"> i. pelan lakar kedudukan/lokasi dan rekabentuk bilik dedahan yang dicadangkan (Sila nyatakan kawasan yang berhampiran); ii. Rekabentuk dan dimensi bilik dedahan yang dicadangkan; dan iii. Pengiraan paras sinaran luar yang dijangka diterima di sekeliling permukaan luar dinding dedahan dan jarak 1 meter daripada dinding tersebut. 	√	√	
2.	Menghantar permohonan Mengguna Bilik Dedahan setelah ia dibina mengikut spesifikasi seperti yang diluluskan semasa permohonan membina dan setelah permohonan lesen diluluskan.	√	√	
F.	Lokasi tolak sinar-x:	√	√	
1.	Pelan terperinci kedudukan dan rekabentuk lokasi tolak sinar x	√	√	
G.	Program Perlindungan Sinaran:			
1.	Muatnaik Program Perlindungan Sinaran yang didraf mengikut format LEM/TEK/45 (Bahagian D) ¹⁰ ke dalam sistem eLesen bersama borang kelulusan dan pengesahan program/pelan untuk mendapatkan pengesahan AELB bagi tujuan termapakai.	√	√	√
2.	Semak status Program Perlindungan Sinaran sama ada perlu diubahsuai atau tidak pada sistem eLesen.	√	√	√
H.	Pelan Kecemasan:			
1.	Muatnaik Pelan Kecemasan ¹¹ ke dalam sistem eLesen bersama borang kelulusan dan pengesahan program/pelan untuk mendapatkan pengesahan AELB bagi tujuan termapakai.	√	√	√
2.	Semak status Pelan Kecemasan sama ada perlu diubahsuai atau tidak pada sistem eLesen.	√	√	√

¹⁰ Sila rujuk LEM/TEK/45 (Bahagian D) bertajuk "Panduan Penyediaan Program Perlindungan Sinaran Bagi Aktiviti Radiografi Industri"

¹¹ Sila rujuk LEM/TEK/66 bertajuk "Panduan Penyediaan dan Pengujian Pelan Kecemasan Radiologikal dan Nuklear"

